



 [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn)  [corp.comms@moh.gov.bn](mailto:corp.comms@moh.gov.bn)

# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

## **KENYATAAN MEDIA**

### **SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19**

### **DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**HARI RABU**

**24 Syawal 1443 / 25 Mei 2022**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa semalam, Selasa, 23 Syawal 1443 bersamaan dengan 24 Mei 2022, sebanyak **132** dos pertama vaksin telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang membawa kepada jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada 33,941 dos iaitu **79.1%** bagi kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini. Manakala, sebanyak **783** dos kedua vaksin COVID-19 telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun

yang membawa kepada jumlah dos kedua yang diberikan kepada kanak-kanak di dalam kumpulan umur ini kepada 17,222 dos iaitu **40.1%**.

2. Dalam pada itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan dua dos vaksin ialah **98.8%** di mana **69.9%** juga telah mendapatkan dos ketiga vaksin.
3. Hari ini, Rabu, 24 Syawal 1443 bersamaan dengan 25 Mei 2022, sebanyak **250 kes baru** telah dilaporkan iaitu 244 kes hasil ujian ART dan 6 kes adalah hasil dari 298 ujian makmal *RT-PCR* yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes

yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah **147,271 kes**. Statistik harian COVID-19 yang lain pula adalah seperti berikut:

- i) **Terdapat 1 kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (*ICU*). Manakala, **tidak ada kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- ii) Sebanyak **261 kes telah disahkan sembuh** yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada **145,427 kes**.

- iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **1,622 kes** iaitu 14 kes sedang dirawat di hospital manakala 1,608 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.
4. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa berada di bawah lindungan dan di dalam rahmat Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin  
Aamiin Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 24 Syawal 1443 / 25 Mei 2022